

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-2
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar Al-Amsyari kali ke-86 di Surau Sg Nyior

Kelebihan Datang ke Majlis Ilmu

“Barangsiapa melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahkan Allah kepadanya jalan ke syurga.” (Muslim)

“Sesungguhnya malaikat itu membentangkan sayapnya kepada penuntut ilmu, tanda rela akan usahanya itu.” (Ahmad, Ibnu Hibban, Al-Hakim)

Sekadar tambahan :

“Satu bab daripada ilmu yang dipelajari seseorang, adalah lebih baik baginya daripada dunia dan isinya.” (Ibnu Hibban, Ibnu Abdul Birri)

“Bahawa sesungguhnya engkau berjalan pergi mempelajari satu bab daripada ilmu, adalah lebih baik daripada engkau melakukan solat 100 rakaat.” (Ibnu Abdul Birri)

4 Jenis Pujian

Khaliq puji Khaliq
Khaliq puji makhluk
Makhluk puji Khaliq
Makhluk puji makhluk

Khaliq puji Khaliq (Tuhan puji diriNya sendiri)
Khaliq puji makhluk (Tuhan puji ciptaan-Nya)
Makhluk puji Khaliq (Makhluk puji Tuhan)
Makhluk puji makhluk (Makhluk puji sesamanya)

“Manusia yang sangat menderita azab pada hari Qiamat ialah orang berilmu yang tidak diberi manfaat oleh Allah SWT dengan ilmunya.” (Thabrani & Baihaqi)

Hikmah Al-Ghazali 1

“Akhirat itu di hadapan dan dunia itu di belakang. Ajal itu dekat. Perjalanan itu jauh. Perbekalan itu sedikit. Bahaya itu besar. Dan jalan itu tertutup.”

Hikmah Al-Ghazali 2

“Berjalan ke akhirat serta banyaknya tipu daya tanpa penunjuk dan teman, adalah payah dan sukar. Maka penunjuk jalan itu ialah kaum ulama.”

4 Bahagian Kitab Ihya'

1. Bab ibadah
2. Bab aktiviti seharian
3. Bab perkara-perkara yang membinasakan kita.
4. Bab perkara-perkara yg menyelamatkan kita.

Hikmah Al-Ghazali 3

"Aku akan buktikan kecenderungan manusia sekarang, jauh dari bentuk kebenaran. Tertipunya mereka dengan kilatan fatamorgana. Dan kepuasan mereka dengan kulit ilmu, tanpa isi."

Hikmah Al-Ghazali 4

"(Abdullah) Ibnu Mubarak tidak memasukkan orang tidak berilmu dalam golongan manusia, kerana ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan ialah ilmu. Maka manusia itu adalah manusia, di mana ia menjadi mulia kerana ilmu. Dan tidaklah yang demikian itu (jadi mulia) disebabkan kekuatan dirinya. Unta adalah lebih kuat daripada manusia. Bukanlah kerana besarnya. Gajah lebih besar daripada manusia. Bukanlah kerana beraninya. Binatang buas lebih berani daripada manusia. Bukanlah kerana banyak makannya. Perut lembu lebih besar daripada perut manusia. Bukanlah kerana kuat persetubuhannya dnegan wanita. Burung pipit yang paling rendah lebih kuat bersetubuh dibandingkan dengan manusia. Bahkan manusia itu tidak dijadikan, selain krna ilmu."

Hikmah Al-Ghazali 5

"Orang yang tidak berilmu, hatinya menjadi sakit dan kematian hatinya itu sudah tentu. Tetapi, dia tidak menyedari sedemikian kerana kecintaan dan kesibukannya dengan dunia (telah) menghilangkan perasaan itu. Sebagaimana takut yang bersangatan kadang-kadang menghilangkan kepedihan luka seketika, meskipun luka itu masih ada."

Hikmah Al-Ghazali 6

"Sesungguhnya manusia itu tertidur. Apabila mati, maka dia terbangun."

"Yang demikian itu seperti dirasakan oleh orang yang telah aman dari ketakutan dan telah sembuh mabuk, dengan luka-luka yang diperolehinya dahulu, sewaktu sedang mabuk dan takut."

Pengajaran Pertama

1. Pelajarilah isi kandungan Quran dan berpeganglah padanya dengan penuh percaya.
2. Percayalah pada hari kebangkitan. Ia pasti berlaku. Maka buatlah persediaan.
3. Percayalah bahawa semua amal makhluk dan segala peristiwa direkodkan oleh Tuhan sejak azali.
4. Kajilah langit dan bumi, dan ambillah pelajaran daripadanya.
5. Jangan contohi perilaku buruk kaum-kaum terdahulu.
6. Percayalah tempat terakhir kita iaitu syurga ataupun neraka.